

Ahlul Bait mengikut dalam definisi dan fahaman mereka hanya terbatas kepada 'Ali, Fatimah, Hassan, Husain dan anak-anak cucu mereka yang terpilih sahaja. Manakala golongan Khawarij hanya membataskan penerimaan hadits kepada tempoh-tempoh dan individu-individu tertentu sahaja daripada kalangan sahabat. Contohnya riwayat Saiyyidina 'Utsman menurut mereka, hanya boleh diterima sebelum beliau kononnya terpesong pendirian dalam memegang tampuk pemerintahan sahaja. Dengan alasan kredibiliti beliau selepas itu telah tercemar. Malah menurut mereka lagi riwayat sekalian para sahabat yang terlibat dalam pertelagahan sesama sendiri terutamanya selepas peristiwa pembunuhan 'Utsman juga tidak boleh diterima lagi. Ini kerana mereka telah terlibat dengan percakaran dan peperangan sesama Islam yang menurut mereka termasuk dalam perbuatan dosa besar. Melakukan dosa besar pula menurut kepercayaan mereka akan menjadikan seseorang itu kafir! **Jika diperhatikan dengan lebih jauh dan lebih halus**, golongan-golongan yang menyeleweng dan terpesong daripada landasan Islam yang sebenar itu bukan sekadar berani menolak dan mempertikaikan hadits-hadits rasulullah s.a.w. sahaja, malah adakalanya mereka sama ada secara sedar atau tidak, berani menolak al-Qur'an sekalipun jika ia didapati bercanggah dengan prinsip-prinsip pegangan dan kepercayaan mereka. Sebagai contohnya lihat bagaimana peristiwa Nabi Musa telah membelah laut dengan tongkat Baginda tidak diterima oleh golongan Mu'tazilah. Padahal ia bukan sahaja tersebut di dalam hadits-hadits Nabi s.a.w., malah tersebut juga di dalam al-Qur'an. Tetapi oleh kerana ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits itu bercanggah dengan salah satu prinsip mereka iaitu menafikan adanya mu'jizat para nabi a.s., mereka sama ada terus menolaknya atau menta'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang bercanggah dan bertentangan sama sekali dengan al-Qur'an sendiri. Antara contoh ta'wilan mereka terhadap mu'jizat Nabi Musa a.s. yang telah membelah laut dengan tongkatnya ialah kata mereka bahawa kejadian yang sebenarnya telah berlaku ialah fenomena pasang surut air laut. Menurut mereka Nabi Musa a.s. adalah seorang yang arif tentang ilmu astronomi. Baginda a.s. sebenarnya telah merancang untuk melarikan kaumnya dengan menyeberangi laut pada waktu air laut akan surut. Tempoh surutnya juga telah diketahui oleh Baginda. Dalam perkiraan Nabi Musa, sebaik sahaja kaumnya berjaya menyeberangi laut, air laut akan pasang kembali dan ia akan mengakibatkan orang-orang yang mengekori mereka dari belakang tenggelam oleh air pasang itu. Ta'wilan seperti ini nyata sekali bertentangan dengan nas al-Qur'an, kerana Allah berfirman:

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ ۖ فَانفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ۖ

Bermaksud: lalu Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa: “Pukulah laut itu dengan tongkatmu”. (Setelah dipukul) Maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu (terangkat) seperti gunung yang besar. (as-Syu'araa':63).

Walau bagaimanapun golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tetap menerima kesemua hadits yang terbukti sahih datangnya dari Nabi s.a.w. atau para sahabat Baginda. Kredibiliti para sahabat tidak pernah mereka ragui apalagi dipertikai atau dicemuh. Sekiranya kesalahan-kesalahan para sahabat seperti meminum arak, berzina dan sebagainya dijadikan alasan oleh golongan yang menolak para sahabat dengan menda'wa bahawa kejujuran mereka juga tidak mustahil boleh tercemar, kesalahan-kesalahan tersebut sudah terbukti menjadi satu teladan dalam pembentukan syariat Islam. Kerana proses pembentukan hukum syariat tidak akan berjalan dengan lancar tanpa insiden-insiden yang telah mereka alami, di samping tiada sebarang bukti yang menunjukkan mereka pernah berbohong. Dalam masa yang sama kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan

bukanlah menjadi suatu penyebab yang merendahkan martabat dan keimanan mereka. Sebaliknya kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa terdapat hikmah yang sengaja diatur oleh Allah s.w.t. untuk membantu RasulNya menjelaskan dengan lebih terang lagi pelaksanaan hukum-hukum kepada umat Baginda. Tanpa sebarang contoh kesalahan yang dilakukan oleh para sahabat, pelaksanaan hukum secara praktikal mustahil ditunjukkan dengan tepat dan jelas. Bahkan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan tidak pernah mencacatkan kejujuran mereka bila mereka sendiri terbukti berani mengakui kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan di hadapan Baginda s.a.w. Misalnya seorang sahabat yang bernama Ma'iz al-Aslami r.a. yang datang sendiri menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta Baginda menjalankan hukuman ke atasnya setelah beliau mengaku telah berzina. Tetapi setiap kali beliau berbuat demikian, Nabi akan memalingkan wajah Baginda daripadanya dan menyuruhnya pulang. Namun setelah beliau datang lagi pada kali yang keempat, Nabi s.a.w. telah berkata kepadanya, "Engkau gilakah?" Ma'iz lantas menafikan dan meminta agar Nabi segera menjalankan hukuman ke atasnya. Setelah hukuman dijalankan, terdapat para sahabat yang menyatakan kekesalannya terhadap keterlanjuran yang telah beliau lakukan, namun perbuatan demikian terus ditegur oleh Nabi s.a.w. dengan mengatakan bahawa Baginda telah melihat beliau sedang berenang-renang di dalam syurga. Baginda s.a.w. juga telah bersabda: لَقَدْ تَابَ تَوْبَةً لَوْ قُضِمَتْ بَيْنَ أُمَّةٍ لَوْ سَعَتْهُمْ Bermaksud: Dia telah benar-benar bertaubat (dan nilai taubatnya itu begitu tinggi) sehingga kalau taubatnya itu dibahagi-bahagikan di antara sekumpulan besar manusia niscaya ia masih mencukupi (untuk diterima Allah). (Lihat Sahih Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Daaraquthni, Abu 'Awaanah dan lain-lain).

Demikianlah ketinggian iman para sahabat yang cuba dipersenda-sendakan oleh musuh-musuh Islam. Tujuan mereka tidak lain hanyalah untuk dijadikan senjata yang dapat mencederakan kejujuran para sahabat dalam membawa agama Allah. Sedangkan Ma'iz al-Aslami tidak pernah ditonjolkan oleh tokoh-tokoh muhadditsin sebagai perawi dari kalangan sahabat yang meriwayatkan hadits. Tidak ada satu pun hadits yang diriwayatkan oleh beliau. Andaikata beliau ada meriwayatkan hadits, riwayatnya tetap akan diterima. Apatah lagi riwayat-riwayat daripada para sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar. Bukankah mereka telah diampunkan Allah walau apapun jua kesalahan yang mereka lakukan. Allah s.w.t. telah berfirman di dalam sebuah hadits Qudsi tentang ahli Badar bahawa: اَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ Bermaksud: "Lakukan apa saja yang kamu mahu, sesungguhnya Aku telah mengampunkanmu." (Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, at-Thabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). Hadits ini meskipun diketahui oleh ahli Badar, tidak pernah diketahui pula mereka menjadikannya sebagai perisai untuk melakukan ma'shiat. Tidak juga pernah terbukti dalam sejarah hidup mereka bahawa mereka menganggapnya sebagai satu peluang dan kesempatan untuk melakukan kederhakaan terhadap Allah. Malah sebagai tanda rasa syukur, mereka telah melipat gandakan amalan keta'atan, bukan sebaliknya menghentikannya. Apalagi untuk menggantikannya dengan amalan ma'shiat atau bid'ah. Kerana seseorang yang terdidik dengan adab dan budaya yang luhur tidak akan berbuat sesuka hati di dalam rumah orang yang menjemputnya masuk dengan mengatakan: "Buatlah seperti rumah sendiri". Malah sambutan mesra tuan rumah tersebut akan disambut dengan perasaan terharu yang akan membuatnya lebih bersopan dan berhati-hati. Keampunan yang diterima daripada Allah s.w.t. itu juga tidak pernah mereka anggap remeh dengan mengulangi semula kesalahan-kesalahan yang sama. Lihat

saja kisah Ka'ab bin Malik, Hilal bin Umaiyyah dan Murarah bin Rabi'ah yang telah dipulau selama lima puluh hari sebagai hukuman kerana tidak menyertai peperangan Tabuk oleh Nabi s.a.w. dan para sahabat setelah Baginda s.a.w. menerima arahan daripada Allah s.w.t. untuk berbuat demikian. Selama tempoh tersebut beliau tidak pernah ditegur oleh sesiapa pun, dan teguran beliau juga tidak diendahkan. Malah salam beliau tidak dijawab oleh Nabi s.a.w. sendiri. Namun setelah tempoh yang memeritkan itu berlalu, beliau telah mengisytiharkan untuk menyerahkan segala hartanya sebagai tanda kesyukuran di hadapan para sahabat yang mengerumuninya untuk mengucapkan tahniah sebaik sahaja mereka mendapat berita tentang pengampunannya.

Begitu juga dengan seorang sahabat yang telah terdorong mencium seorang perempuan. Setelah menyadari kesalahannya, beliau terus berlari mendapatkan Rasulullah s.a.w. sambil mengaduh halnya kepada Baginda dengan berkata, "Binasalah aku" beberapa kali. Setelah mengetahui perkara yang sebenarnya Nabi s.a.w. mengajaknya untuk sama-sama berwudhu' dan menunaikan sembahyang. Lalu pada keesokan harinya, barulah Nabi s.a.w. menjelaskan bahawa dosanya telah diampunkan oleh Allah disebabkan amalan sembahyang yang dilakukannya pada hari semalam sambil Baginda membacakan ayat:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ إِنَّ أَحْسَنْتَ يُذْهِبَنَّ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّاكِرِينَ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada (waktu) malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang mahu ingat. (Hud: 114).

Namun sahabat berkenaan tidak pernah diberitakan telah menjadikan kelonggaran daripada ayat yang turun khusus berkenaan dengan insiden yang dialaminya sendiri itu sebagai satu peluang untuk melakukannya semula. **Golongan yang memusuhi para** sahabat tidak henti-henti mencari alasan berupa ayat-ayat al-Quran yang zahirnya menegur perbuatan para sahabat sebagai dalil untuk memburuk-burukkan imej mereka. Antara ayat yang selalu mereka jadikan sebagai alasan untuk mencalarakan kredibiliti para sahabat ialah tiga ayat dari Surah al-Hujuraat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا

تَشْعُرُونَ ﴿١﴾ إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِندَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُمْ مَّغْفَرَةٌ عَظِيمَةٌ ﴿٢﴾ إِنَّ

الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suaramu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian daripada kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain, supaya tidak terhapus pahala amalanmu, sedang kamu tidak menyedarinya. (2). Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar. (3). Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik-bilik (tempat ahlimu, Wahai Muhammad), kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tata tertib). (4). (al-Hujuraat: 2-4).

Menurut mereka sikap kurang ajar para sahabat terhadap Nabi s.a.w. yang mendapat teguran daripada Allah tersebut amat jelas membuktikan sikap sebenar para sahabat. Sedangkan ayat tersebut hanya ingin menjelaskan peringkat-peringkat proses tarbiyah Nabi s.a.w. dalam mendidik para sahabat yang datang daripada pelbagai latar belakang dan pelbagai qabilah. Ia sebaliknya memaparkan kejayaan Nabi s.a.w. mengubah kehidupan kasar mereka kepada satu generasi yang paling sopan dan tinggi adabnya di persada sejarah. Kerana kejayaan sesuatu usaha akan dinilai berdasarkan hasil yang diraih di penghujung tempoh usahanya itu, bukan di permulaan usahanya. Ini dibuktikan oleh gambaran-gambaran hadits tentang sikap para sahabat selepas itu. Apabila ingin menemui Nabi s.a.w., mereka akan mengetuk pintu rumah Baginda dengan hanya menggunakan hujung-hujung kuku mereka sahaja. Apalah hebatnya Nabi s.a.w, sekiranya pengikut-pengikut Baginda sudah terdiri daripada orang-orang yang sopan dan baik-baik belaka!!

Ringkasnya, pegangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah berkenaan dengan hakikat iman adalah berpandukan kepada tafsiran Nabi s.a.w. yang dipraktikan oleh para sahabat Baginda. Kerana Nabi s.a.w. sentiasa menggalakkan para sahabat agar sentiasa mengisi kehidupan mereka dengan amalan keta'atan, bukannya membiarkan kehidupan mereka berlalu tanpa panduan dan amalan lantaran berpada dengan pengakuan iman sahaja. Dalam membongkar faktor-faktor yang menyebabkan golongan sesat semakin tersasar dalam pencarian kebenaran mereka, para 'ulama' telah menyimpulkan tiga faktor utama yang menyumbang kepada kesesatan dan penyelewengan 'aqidah, iaitu: (1) Menolak hadits-hadits sahih. (2) Meninggalkan panduan daripada amalan para sahabat yang menerima bimbingan secara langsung dan secara praktikal daripada Nabi s.a.w. (3) Mengikut tuntutan hawa nafsu dan memandai-mandai dalam mereka cipta ajaran-ajaran agama. Sebagai kesimpulan kepada perbincangan yang lalu dapatlah dikatakan, Imam Bukhari lebih banyak memberi tumpuan kepada 'aqidah golongan *Murji'ah*, *Karramiyyah* dan seumpamanya yang berpendapat bahawa seseorang itu sudah dikira beriman dengan hanya mengakuinya di dalam hati sahaja dan keadaan imannya tidak akan terjejas walaupun dia melakukan apa saja amalan ma'shiat. Manakala 'ulama' sebelumnya seperti Imam Abu Hanifah dan lain-lain pula, lebih menumpukan perhatian kepada golongan *Mu'tazilah* dan *Khawarij* yang beri'tiqad amalan sekali-kali tidak boleh dipisahkan daripada iman. Dalam erti kata yang lain, seseorang yang tidak sempat melakukan sesuatu amalan keta'atan, tidak dikira sebagai seorang yang beriman. Seseorang yang melakukan sesuatu dosa besar pula akan terus menjadi kafir. Untuk membendung pengaruh golongan *Mu'tazilah* dan *Khawarij* tersebut, Imam Abu Hanifah dan para 'ulama' yang sependapat dengannya di zaman beliau mengatakan iman itu bersifat *Basith* (tunggal tanpa komponen). Walau bagaimanapun mereka tetap berpendapat bahawa *kai'fiat* (keadaan), *atsar* (kesan) atau *tsamaraat* (hasil dan buah) iman itu berbeza di antara seseorang yang beriman hasil daripada amalan yang berbeza. Dalam erti kata yang lain, amalan seseorang tetap memainkan peranan yang besar dan penting dalam membentuk dan menyuburkan imannya. Namun apabila masa berlalu, hinggalah sampai ke zaman Imam Bukhari, sesetengah golongan telah bertindak lebih jauh apabila menerima konsep *Basith* itu dengan erti seseorang yang beriman tidak perlu lagi membuat sebarang amalan keta'atan dan dalam masa yang sama amalan ma'shiat juga tidak meninggalkan apa-apa kesan kepada imannya. Maka untuk memperbetulkan 'aqidah songsang sebagaimana yang dipegang oleh golongan *Murji'ah*, *Karramiyyah* dan sebagainya itu, Imam Bukhari dan jumhur 'ulama' di zamannya tampil menyatakan bahawa iman itu mempunyai

beberapa komponen atau iman itu bersifat murakkab. Dalam usaha membuktikan da'waannya itu, Imam Bukhari telah membawa sejumlah ayat yang menunjukkan bahawa amal itu adalah sebahagian daripada iman. Antaranya ialah ayat berikut:

قُلْ مَا يَعْبُؤُا بِكُمُ رِزْقِي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ فَقَدْ كَذَّبْتُمْ فَسَوْفَ يَكُونُ لِزَامًا ﴿١٤٣﴾

Bermaksud: Katakanlah (kepada orang-orang musyrik): “Tuhanku tidak mengindahkan kamu, melainkan kalau ada doamu (ibadatmu). (Tetapi bagaimana kamu beribadat kepadaNya), Padahal kamu sesungguhnya telah mendustakanNya? Kerana itu kelak (azab) pasti (menimpamu)”. (al-Furqaan: 77). Doa yang merupakan suatu bentuk amalan dan ibadat, membawa maksud iman di dalam ayat ini. Ini menunjukkan iman itu mempunyai komponennya berupa amalan.

Di dalam ayat 143 Surah al-Baqarah Allah berfirman: وما كان الله ليضيع إيمانكم Bermaksud: “Allah tidaklah akan mensia-siakan iman kamu.” Iman di dalam ayat ini pula membawa maksud sembahyang kamu. Ayat ini juga menunjukkan amalan (sembahyang dan lain-lain) merupakan komponen iman. Ia jelas menunjukkan iman itu bersifat murakkab.

Biar apa pun, di antara pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Bukhari yang kelihatan seolah-olah bercanggah itu pada hakikatnya tidak bercanggah langsung. Perbezaan yang kelihatan hanyalah perbezaan dari sudut kaedah atau *metode* yang digunakan oleh mereka dalam usaha menangkis hujah-hujah golongan sesat yang berkembang pada zaman masing-masing sahaja. Kerana meskipun Imam Bukhari berpendapat bahawa iman bersifat *Murakkab*, beliau tidak pernah menda'wa seperti da'waan golongan *Mu'tazilah* dan *Khawarij* yang mengatakan iman dan amal adalah dua entiti atau hakikat yang sama. Manakala Imam Abu Hanifah dan 'ulama' yang sependapat dengannya pula, walaupun mereka menda'wa iman bersifat *Basith*, namun mereka tidak pernah mengatakan amalan tidak diperlukan lagi sebagaimana da'waan golongan *Murji'ah*, *Karramiyyah* dan sebagainya. Jadi perbezaan di antara Imam Bukhari dan 'ulama' sezamannya dengan Imam Abu Hanifah dan 'ulama' yang sependapat dengannya adalah perbezaan dari sudut kaedah dan pendekatan sahaja atau dengan kata lain perbezaan lafzi sahaja, tidak lebih dari itu. **Sekarang penulis cuba meringkaskan** apa yang dikatakan perbezaan pendekatan dan perbezaan lafzi di antara dua golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tersebut. Dengan itu akan nyatalah persamaan tanggapan tentang iman yang ada pada keduanya. (1) Golongan pertama mengatakan iman bertambah dengan amalan keta'atan dan berkurang dengan amalan ma'shiat atau perbuatan dosa. Apa yang bertambah? Kata mereka, yang bertambah ialah kesan amalan itu, hasilnya atau kaifatnya. Golongan kedua tidak menafikannya. Yang mereka nafikan ialah bertambah atau berkurangnya apa yang semestinya diimani dan dipercayai (مُؤْمَنٌ بِهِ). Dalam soal ini pada hakikatnya golongan pertama tidak berbeda daripada golongan kedua. (2) Golongan pertama mengatakan terdapat tiga juzu' (komponen) di dalam iman. Tetapi juzu' asas dan sebenarnya hanyalah تصديق بالجنان (membenarkan dengan hati). Membuat pengakuan dengan lidah dan mengamalkan apa yang diimani juga merupakan juzu' (komponen) iman, tetapi keduanya adalah komponen tambahan (جزء زائد). Golongan kedua walaupun tidak bersetuju dengan golongan pertama daripada segi iman mempunyai beberapa juzu', ada yang asasi dan ada yang tambahan. Tetapi mereka tetap bersetuju dengan golongan pertama tentang تصديق sebagai hakikat (ماهية) iman. Adapun yang dua lagi itu bukan juzu'nya, ia tidak lebih dari buah atau hasil iman. (3) Golongan kedua percaya bahawa orang yang tidak melakukan apa-apa perintah dan suruhan agama, begitu juga orang yang melanggar perkara-perkara yang diharamkan oleh agama tidak

٨- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى قَالَ أَخْبَرَنَا حَنْظَلَةُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ خَالِدٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَالْحَجَّ وَصَوْمَ رَمَضَانَ

8- `Ubaidullah bin Musa (bin Baazaam m.213/214H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Handzalah bin Abi Sufyan (bin `Abdir Rahman al-Qurasyi al-Makki m.151H) meriwayatkan kepada kami daripada `Ikrimah bin Khalid (bin al-`Aash bin Hasyim al-Qurasyi al-Makki m.114/115H) daripada Ibnu `Umar r.a,¹⁰³ katanya: “Rasulullah s.a.w.

akan terus masuk syurga seperti kepercayaan Murji'ah. Mereka mengatakan orang seperti itu kalau tidak diampunkan oleh Allah akan dihukum dahulu sama ada di alam Barzakh, di Mahsyar atau di dalam neraka. Bagaimanapun akhirnya ia akan dilepaskan dari neraka dan akan masuk syurga. Golongan pertama pula percaya bahawa orang yang meninggalkan amal bil arkaan boleh menyebabkannya dimasukkan ke dalam neraka jika tidak diampuni Allah. Tetapi mereka tidak akan kekal di dalamnya. Bukankah perbezaan seperti ini hanya perbezaan pada lafaz dan `ibarat sahaja? Kesimpulan daripada kedua pendapat itu ialah orang yang meninggalkan amal bil arkaan mungkin masuk neraka. Tetapi kerana ada iman di dalam hatinya, dia akhirnya akan selamat juga dan akan masuk syurga juga. (4) Iman seseorang akan bertambah apabila ia mengerjakan segala bentuk keta'atan dan kebajikan.

¹⁰³ Apabila disebut Ibnu atau Ibnu `Umar (anak laki-laki `Umar) secara umum begitu, maka dimaksudkan dengannya `Abdullah bin `Umar. Walaupun selain beliau `Umar mempunyai ramai lagi anak laki-laki. Antara sebabnya ialah beliau merupakan anak laki-laki `Umar yang paling menonjol. Beliau sering juga dipanggil dengan nama kunyah, Abu `Abdir Rahman. Ibnu `Umar memeluk agama Islam ketika masih kecil bersama ayahandanya `Umar semasa di Mekah, di peringkat awal da'wah Rasulullah s.a.w. Kemudian berhijrah ke Madinah bersama ayahnya `Umar. Beliau tidak dibenarkan mengikuti peperangan Badar kerana dianggap belum cukup umur pada ketika itu. Peperangan pertama bersama Rasulullah s.a.w. yang diikuti `Abdullah bin `Umar ialah perang Khandaq. Ketika itu beliau baru berumur lima belas tahun. Kemudian teruslah beliau mengikuti peperangan demi peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah s.a.w. Ibnu `Umar adalah seorang daripada enam orang sahabat yang banyak meriwayatkan hadits. Salah seorang daripada empat orang (العبادة الأربعة). Ibnu `Umar adalah seorang yang sangat wara', alim dan zahid. Selain itu beliau juga dikenali sebagai seorang yang sangat teliti, berhati-hati dan sangat kuat dalam mengikuti sunnah Nabi s.a.w. Beliau kemudiannya dikenali sebagai mahaguru di kalangan sahabat (شيخ الصحابة). Kerana itulah Imam Malik menjadikan beliau sebagai rujukan utama dari kalangan sahabat untuk fiqhnya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda tentangnya, kata Baginda s.a.w.: “Sesungguhnya `Abdullah adalah seorang lelaki yang baik (saleh).” Kata Ibnu Mas'ud: “Ibnu `Umar adalah antara pemuda Quraisy yang paling dapat mengawal dirinya daripada (pengaruh) dunia.” Sa'id bin al-Musaiyyab berkata: “Tidak ada orang di muka bumi ini yang lebih aku suka menemui Allah dalam keadaan membawa amalan sepertinya daripada Ibnu